

# Palestin: Gerakkan Pemuda antarabangsa

Oleh HERMAN HAMID

KOTA BHARU 15 Julai - Pergerakan Pemuda UMNO akan menggerakkan usaha mewujudkan rangkaian di kalangan pemimpin muda di peringkat antarabangsa khusus untuk memberi tekanan kepada Israel supaya menghentikan segala bentuk keganasan dan kezaliman yang dilakukan selama ini.

Ketua, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, langkah ini adalah sebagai usaha berterusan mendesak Israel setelah pelbagai usaha daripada penghantaran memorandum hingga kepada demonstrasi yang dilakukan dalam negara tidak pernah dihiraukan oleh rejim tersebut.

Sehubungan itu katanya, sudah tiba masanya kaedah lain digunakan iaitu menyuarakan bantahan secara bersama dengan pemimpin muda negara lain kerana ia mungkin dapat memberi impak yang lebih tegas dan

Memang Israel terkenal dengan keangkuhannya tetapi kita tidak boleh putus asa, dan inilah agenda jangka panjang kita

berkesan.

"Mungkin hari ini suara kita adalah kecil pada rejim tersebut tetapi jika kita terus berusaha termasuk melalui pentas antarabangsa, saya percaya suatu hari nanti suara ini akan menjadi besar dan mampu menekan Israel.

"Memang Israel terkenal dengan keangkuhannya tetapi kita tidak boleh putus asa, dan inilah agenda jangka panjang kita" katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Kejohanan Futsal dan Bola Jaring Kelantan anjuran Badan Perhubungan UMNO Negeri di Kok Lanas, dekat sini hari ini.

- Hishammuddin Tun Hussein

Hadir sama ialah Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Annuar Musa; Ketua Pemuda UMNO negeri, Dali Hussin dan Ketua Puteri UMNO negeri, Nik Noriza Nik Salleh.

Hishammuddin berkata, bagi tujuan itu, beliau akan menghantar wakilnya menerusi Biro Antarabangsa dan Biro Agama bagi menemui pemimpin muda peringkat antarabangsa bermula dengan negara ASEAN.

"Usaha ini bukan sahaja melibatkan Pemuda UMNO tetapi juga turut mendapat sokongan daripada rakan-rakan parti kom-

ponen Barisan Nasional (BN) yang lain.

"Ini kerana kita tahu keganasan Israel bukan lagi isu yang membabitkan umat Islam semata-mata sebaliknya ia adalah isu kemanusiaan yang merentasi sempadan negara, agama dan kaum," jelasnya.

Menurut Hishammuddin, untuk masa terdekat pula, Pemuda UMNO berhasrat untuk mewujudkan kembali gerakan bantahan secara aman seperti yang pernah dilakukan ketika membantah penaklukan Amerika Syarikat (AS) ke atas Iraq pada 2003.

"Kita mahu menggerakkan kembali usaha tersebut yang ternyata dapat memberi mesej kepada kuasa besar mengenai bantahan rakyat Malaysia terhadap tindak tanduk mereka.

"Perkara ini akan dijadikan usaha berterusan di negara ini dalam menyuburkan kesedaran rakyat tentang kezaliman dan keangkuhan Israel serta sekutu-sekutunya," ujarnya.